

06 DEC 2001

Mahathir-Misuari

MISUARI LARI KE M'SIA BOLEH JEJAS HUBUNGAN JIRAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan pemimpin Islam Filipina Nur Misuari melarikan diri ke negara ini boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan negara jiran.

"Misuari membuatkan Malaysia dalam keadaan serba salah. Kenapa dia tidak lari saja ke tempat lain. Dia buat gaduh di sana, lari ke Malaysia ... buat gaduh di sana, lari ke Malaysia ... dan ia menjejaskan hubungan dengan jiran kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita bila Nur Misuari yang kini berada dalam tahanan negara ini, akan dihantar pulang ke Filipina, selepas membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara.

Beliau berkata Malaysia sedia menghantar balik Nur Misuari tetapi dia hendaklah diterima oleh kerajaan Filipina.

"Kalau hantar balik dan lepas dia begitu aje tak guna juga. Kita akan runding dengan Filipina untuk hantar dia balik," katanya.

Ditanya lagi bila Nur Misuari akan dihantar balik, Dr Mahathir berkata perkara itu sedang dibincangkan.

Semasa dicadangkan pemberita bahawa nampaknya kerajaan Filipina tidak berminat untuk menerima Nur Misuari, Dr Mahathir berkata kalau dia tidak diterima (oleh kerajaan Filipina) atas apa jua alasan dan dia juga tidak melakukan jenayah di Malaysia, maka kerajaan perlu memikirkan cara lain.

Ditanya lagi sama ada kemungkinan Malaysia akan membebaskannya, Perdana Menteri berkata: "Kita harap tidak. Nanti orang kata kita subahat dengan pengganas pula."

Beliau juga berkata Nur Misuari tidak meminta apa-apa semasa dalam tahanan.

"Cuma semasa mula ditahan kita tanya dia ... kita pun nak tahu asal usul pemberontakan di sana, sama ada dia terlibat dengan penculikan di Sipadan (di perairan Sabah April tahun lepas)," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Malaysia boleh membebaskan Nur Misuari atau menghantarnya ke negara lain.

"Situasi macam ni, saya tidak tahu. Saya tidak dapat menjangkakannya," katanya.

Beliau berkata perkara itu perlu kajian seperti bagaimana tindakan itu nanti akan memberi kesan kepada kerajaan.

"Kita perlu begitu berhati-hati dalam menangani (isu) ini," katanya.

-- BERNAMA

NZ NZ RON